

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang dimaklumi, rekod Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah berbeza dengan rekod dokumen pengenalan diri bertaraf warganegara Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Hal ini kerana rekod bancian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mengambil kira keseluruhan penduduk sama ada warganegara atau bukan warganegara, ia juga tidak membezakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau bukan Pendatang Asing Tanpa Izin. Di samping itu, statistik tersebut turut merangkumi penduduk dari negeri-negeri lain dalam Malaysia serta penduduk dari luar negara yang telah atau akan tinggal selama enam (6) bulan atau lebih dan kesemua maklumat yang dikutip semasa banci termasuk kewarganegaraan tidak dirujuk dengan sebarang dokumen rasmi.

Berdasarkan semakan dengan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk yang diklasifikasikan sebagai kaum 'Melayu' pada tahun 2000 adalah seramai 303,497 orang manakala jumlah penduduk bagi kaum yang sama pada tahun 2010 adalah 184,197. Perbezaan ini disebabkan oleh soalan berkaitan kumpulan etnik memerlukan responden membuat pengakuan diri sewaktu pembancian. Oleh itu, jawapan daripada

responden yang tidak berpandukan kepada sebarang dokumen rasmi telah mengakibatkan perbezaan ini.

Walau bagaimanapun, mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara, jumlah warganegara Malaysia yang berketurunan Melayu di negeri Sabah sehingga bulan Disember 2014 hanyalah 99,394 orang sahaja.